

PROMOSI KESEDARAN DAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR

PROMOTION OF ENVIRONMENTAL EDUCATION AND AWARENESS

Bandar Lestari – Anugerah Alam Sekitar 2009/2010

Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan Institut Alam Sekitar Dan Pembangunan (LESTARI), UKM yang menyediakan sokongan teknikal telah memulakan anugerah ini untuk memberi pengiktirafan kepada pihak berkuasa tempatan yang telah berusaha menggabungkan dimensi alam sekitar di dalam perancangan, pentadbiran dan pelaksanaan dasar, program-program dan aktiviti-aktivitinya.

Penilaian ini berasaskan kepada lima (5) kriteria :

- I. Persekitaran Fizikal
- II. Inisiatif Ekologi
- III. Perkhidmatan Alam Sekitar
- IV. Pentadbiran Alam Sekitar
- V. Aktiviti Pendidikan Dan Kesedaran

Untuk sesi 2009/2010, sebanyak 34 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menyertai kategori-kategori berikut:

- a. Kategori 1 – PBT Ibu Negeri (15)
- b. Kategori 2 – PBT Majlis Perbandaran/
Bandaraya (9)
- c. Kategori 3 – Majlis Daerah (10)

Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)

Pada tahun 2009, JAS Ibu Pejabat telah mengadakan Kem Kesedaran Alam Sekitar di Teluk Batik Resort, Lumut, Perak pada 13 hingga 15 Mac dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia. Seramai 40 orang peserta yang terdiri dari pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang dan Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak telah menyertai perkhemahan ini.

Sustainable City - Environment Award 2009/2010

The Department of Environment in collaboration with the Local Government Department, Ministry of Housing and Local Government and Institute for Environment and Development (LESTARI), UKM which provides technical support initiated this award to give recognition to Local Authorities for incorporating environmental dimensions in planning, administration and implementation of policies, programs and activities.

Assessment was based on five (5) criteria:

- I. Physical Environment
- II. Ecological Initiatives
- III. Environmental Services
- IV. Environmental Governance
- V. Education and Awareness Activities

For 2009/2010, 34 local authorities participated under the following categories:

- a. Category 1 – Capital Cities (15)
- b. Category 2 – Town Councils/
Municipalities (9)
- c. Category 3 – District Councils (10)

Environmental Awareness Camp (KeKAS)

In 2009, DOE Headquarters conducted the Environmental Awareness Camp at Teluk Batik Resort, Lumut, Perak on 13 to 15 March in collaboration with the Ministry of Education. Forty (40) participants from the Institute of Teacher Education Malaysia Tuanku Bainun Campus, Penang and the Ipoh Campus, Perak participated in this camp.

Modul Bersepadu Pendidikan Alam Sekitar telah digunakan di dalam kem ini. Aktiviti lain termasuklah ceramah pengenalan ekologi pinggir pantai, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan pantai telah dijalankan.

Di peringkat negeri pula, sebanyak 50 kem kesedaran alam sekitar telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri kepada pelajar-pelajar sekolah dan universiti.

Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Sejak tahun 199, Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh JAS dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM), Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Kementerian Pelajaran Malaysia/ Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Debat Alam Sekitar Antara IPT kali ke-19 ini telah diadakan pada 24-28 Julai 2009 menyaksikan penyertaan sebanyak 22 buah pasukan debat dari 22 Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Tuan rumah pada kali ini ialah Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Tronoh, Perak.

Pertandingan debat ini merupakan debat ala parlimen dan menggunakan kaedah sistem *bracket power match* untuk pusingan awal bagi menentukan pasukan yang akan berlawanan dan juga peranan mereka (kerajaan/ pembangkang). Setiap pasukan akan ditentukan kedudukan (*ranking*) mereka berdasarkan menang/kalah, juri, margin (jumlah kemenangan) dan markah keseluruhan.

Pertandingan Peringkat Awal melibatkan enam (6) pusingan. Lapan (8) pasukan terbaik berdasarkan kedudukan akan dipilih untuk ke peringkat suku akhir dan pasukan yang menang akan ke separuh akhir secara kalah mati. Dua (2) pasukan akan ke peringkat akhir.

Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi 2009 diadakan di Dewan Canselor, UTP menyaksikan perlawanan di antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Multimedia (MMU). UPM diwakili Amirrudin Abdul Rahman, Ammar Redza Ahmad Rizal, Mohd Syamsul Salleh dan pendebat simpanan, Norlida Idrus. MMU pula diwakili oleh Myer Iyemman Yusof, Muhammad

The Environmental Education Integrated Module was used in this camp. Other activities such as talks on coastal ecology, solid waste management and beach cleaning were conducted.

At the state level, a total of 50 environmental awareness camps were conducted by the State DOE offices to schools and universities.

Inter-Varsity Environmental Debate

Since 199, the Inter-Varsity Environmental Debate had been organised annually by DOE in collaboration with the Malaysian Universities Debate Council (MADUM), Dewan Bahasa dan Pustaka, and the Ministry of Education/ Ministry of Higher Education. The 19th Inter-Varsity Environmental Debate held from 24-28 July 2009 saw participation from 22 teams from 22 Institutions of Higher Learning in Malaysia. The host institution was Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Tronoh, Perak.

The Inter-Varsity Environmental Debate was conducted in a parliamentary manner and the bracket power match system was adopted in the preliminary rounds to determine whether a team is in the preposition or opposition side. The ranking of each team was based on several criteria such as "winner/ loser", jury, margin and overall score.

All teams took part in the preliminary six (6) rounds. The eight (8) highest ranking teams were then selected to compete in the Quarter-Finals, out of which four (4) qualified for the Semi-Finals and eventually two (2) teams entered the Finals.

The Finals of the 2009 Inter-Varsity Environmental Debate held at the Dewan Canselor, UTP was between Universiti Putra Malaysia (UPM) and Multimedia University (MMU). UPM was represented by Amirrudin Abdul Rahman, Ammar Redza Ahmad Rizal, Mohd Syamsul Salleh and Norlida Idrus as reserve. MMU was represented by Myer Iyemman Yusof, Muhammad Nazwan Kamal Din, Mohd Fahmi

Nazwan Kamal Din, Mohd Fahmi Abdul Aziz dan pendebat simpanan, Muhammad Rafiq Akmal Mohd Daud.

Abdul Aziz and Muhammad Rafiq Akmal Mohd Daud as reserve.

UPM muncul sebagai johan pertandingan Debat Alam Sekitar 2009, menerima Piala Pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar serta wang tunai RM8,000.00 dan sijil penyertaan. Manakala MMU, sebagai naib johan menerima wang tunai RM5,000.00 dan sijil penyertaan. Dua pasukan yang layak ke separuh akhir iaitu Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), masing-masing menerima wang tunai RM1,000.00 dan juga sijil penyertaan. Pendebat UPM, Amirrudin Abdul Rahman muncul sebagai Pendebat Terbaik dan menerima Piala Ketua Pengarah Alam Sekitar, beserta wang tunai RM1,500.00. Hadiah telah disampaikan oleh Y.B. Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (**Rajah 5.1**).

The UPM team emerged the overall winner of the 2009 Inter-Varsity Environmental Debate, receiving the Minister of Natural Resources and Environment Challenge Trophy, a cash prize of RM8,000.00, and certificates of participation, MMU, as runners-up received a cash prize of RM5,000.00, and certificates of participation, The two teams which qualified for the semi-finals, namely Universiti Sains Malaysia (USM) and Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) each received a cash prize of RM1,000.00, and certificates of participation. Amirrudin Abdul Rahman from UPM was named the Best Debater and received the Director-General of Environment Trophy, together with a cash prize of RM1,500.00. The prizes were given out by Y.B. Tan Sri Joseph Kurup, the Deputy Minister of Ministry of Natural Resources and Environment (**Figure 5.1**).



Pertandingan Debat Alam Sekitar Kali Ke-19 di UTP, Perak
The 19th Inter-Varsity Environmental Debate at UTP, Perak

Rajah 5.1 JAS : Pusingan Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
 Figure 5.1 DOE : The Rounds of the Inter-Varsity Environmental Debate among
 Institutions of Highest Learning




PERINGKAT SUKU AKHIR / QUARTER FINALS
 PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG ALAM SEKITAR LEBIH EFEKTIF
 DARIPADA INSENTIF EKONOMI



PERINGKAT SEPARUH AKHIR / SEMI FINALS
 PENCINTA ALAM SEKITAR CUMA BERTEPUK SEBELAH TANGAN



PERINGKAT AKHIR / FINALS
 MASALAH ALAM SEKITAR : AGENDA POLITIK MESRA ALAM ADALAH JAWAPANNYA



* Nota: Pasukan yang digelapkan menang dalam perdebatan
 * Note: Bold Team win in debating

Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM)

Minggu Alam Sekitar Malaysia merupakan acara tahunan Jabatan Alam Sekitar yang disambut dengan objektif utama untuk menyemai dan meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia mengenai pemuliharaan alam sekitar di negara ini. Pelancaran Minggu Alam Sekitar Malaysia Peringkat Kebangsaan kali ke-18 telah diadakan secara serentak dengan Pelancaran Program Rakan Alam Sekitar (RAS) Peringkat Negeri Sarawak pada 21 Oktober 2009 bertempat di Borneo Convention Center, Kuching, Sarawak.

Pelbagai aktiviti menarik seperti pameran alam sekitar, pertandingan mewarna untuk murid-murid sekolah rendah dan penanaman pokok yang melibatkan 400 pelajar sekolah telah dijalankan semasa pelancaran tersebut. Acara kemuncak pada hari tersebut adalah Penganugerahan Anugerah Langkawi 2009.

Penganugerahan telah disampaikan oleh Datuk Patinggi Dr. George Chan Hong Nam, Timbalan Ketua Menteri Sarawak yang mewakili Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud. Turut hadir adalah Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Dato' Zool Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar 2009/2010

Program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) telah dilancarkan pada 27 Januari 2005, merupakan program anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan sokongan teknikal daripada Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Program ini berkonsepkan pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua lapisan warga sekolah bersama keluarga, komuniti setempat, kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan. Konsep ini juga menitikberatkan pendekatan bersepadu dalam pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan sekolah.

Malaysia Environment Week (MASM)

The annual Malaysia Environment Week is a premier event organized by the Department of Environment, primarily to inculcate and enhance environmental awareness among Malaysians. The 18th Malaysia Environment Week at National Level was jointly launched with the Rakan Alam Sekitar (RAS) Programme at State Level on 21 October 2009 at the Borneo Convention Center, Kuching, Sarawak.

Several interesting activities namely, environmental exhibition, colouring contest and tree planting which saw participation from 400 school children were organized to coincide with the event. The highlight of the day was the conferring of the Langkawi Award 2009.

The award was presented by Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam, Deputy Chief Minister of Sarawak who represented the Chief Minister of Sarawak, Datuk Patinggi Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud. Also present were Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang, Deputy Chief Minister of Sarawak, Datuk Douglas Uggah Embas, Minister of Natural Resources and Environment and Dato' Zool Azha bin Yusof, Secretary General, Ministry of Natural Resources and Environment.

Sustainable School - Environment Award 2009/2010

The Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar programme which was launched on 27 January 2005 is a programme organized by the Department of Environment and the Ministry of Education with technical support from the Institute of Environment and Development (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia. The Sekolah Lestari concept is hinged on an integrated approach, which involves the school community as a whole, their families, local communities, government, private sector and non-governmental organisations. This concept encompasses the integrated approach in management, curriculum, co-curriculum and greening activities.

Majlis Penganugerahan Sekolah Lestari 2007/2008 telah diadakan bersekalikan dengan Majlis Pelancaran Rakan Alam Sekitar bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2009 pada 4 Jun 2009 di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Muar, Johor. Majlis ini telah disempurnakan oleh Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pelajaran Malaysia.

SMK. (P) Methodist Pulau Pinang (kategori sekolah menengah) dan SK. Bakri Batu 5, Muar (kategori sekolah rendah) telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Sekolah Lestari 2007/2008. Kedua-dua sekolah ini telah menerima sijil dan plak yang ditandatangani oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia dan Menteri Pelajaran Malaysia beserta wang tunai RM10,000.00.

Pada tahun 2009, program ini telah dimulakan dengan satu Bengkel Promosi Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar 2009/2010 – Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 11-12 Mac 2009 di Bayview Beach Resort, Pulau Pinang. Seramai 33 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari JAS Negeri dan Jabatan Pelajaran Negeri seluruh Malaysia telah menghadiri bengkel ini. Pegawai-pegawai ini dilatih untuk mempromosikan program SLAAS kepada sekolah di negeri masing-masing. Sehingga akhir tahun 2009, sebanyak 24 bengkel/taklimat promosi SLAAS telah dijalankan di seluruh negara.

The Sekolah Lestari 2007/2008 Award Giving Ceremony was held jointly with the launching of the Rakan Alam Sekitar Programme in conjunction with the 2009 World Environment Day Celebration. It was held on 4 June 2009 at Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Muar, Johor. The ceremony was officiated by Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Deputy Prime Minister of Malaysia who is also the Minister of Education Malaysia.

The Sekolah Lestari Award for 2007/2008 was awarded to SMK (P) Methodist Pulau Pinang (secondary school category) and SK Bakri Batu 5, Muar, Johor (primary school category). Each school received a plaque and certificate signed by the Minister of Natural Resources and Environment Malaysia and Minister of Education Malaysia with a cash prize of RM10,000.00.

In 2009, the SLAAS 2009/2010 kicked off with a Promotional Workshop on Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar 2009/2010 – National Level on 11-12 March 2009 at Bayview Beach Resort, Penang. Thirty-three (33) participants from all State DOE offices and State Education Departments attended this workshop with the purpose to promote schools at their respective state to participate in this programme. Till end 2009, 24 promotional workshops were conducted throughout the country.



Aktiviti Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)
Environmental Awareness Camp Activities, 2009

PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH SEKOLAH LESTARI 2007 / 2008
RECIPIENTS SEKOLAH LESTARI AWARD 2007 / 2008

ANUGERAH SEKOLAH LESTARI 2007/2008
SEKOLAH LESTARI AWARD 2007/2008

Kategori / Category	Sekolah / School
Sekolah Menengah/ Secondary School	Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Methodist Pulau Pinang
Sekolah Rendah/ Primary School	Sekolah Kebangsaan Bakri Batu 5, Muar, Johor

PENSIJILAN KHAS / SPECIAL MENTION

i) Kategori Sekolah Menengah / Secondary School Category

Kategori / Category	Sekolah / School
Kepimpinan Dalam Pengurusan Alam Sekitar/ Leadership in Environmental Management	Sekolah Menengah ST Michael, Penampang, Sabah
Penghijauan/Greening	Sekolah Menengah Kebangsaan Kota, Kota Bharu, Kelantan
Kokurikulum /Cocurriculum	Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Gading, Batu Pahat, Johor
Penggunaan Produk dan Teknologi Hijau / Usage of Eco-Friendly Product and Technology	Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan, Lahat, Perak

ii) Kategori Sekolah Rendah / Primary School Category

Kategori / Category	Sekolah / School
Pengurusan dan Perancangan/ Management and Planning	Sekolah Kebangsaan Kuala Besut, Terengganu
Penggunaan Bahan Buangan/ Usage of Used Item	Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Tung Hua, Sibul, Sarawak

* Sekolah yang berjaya telah menerima plak yang ditandatangani bersama oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

* Winning schools received plaque signed by the Director General of Environment and the Director General of Education

PENSIJILAN / CERTIFICATION

i) Kategori Sekolah Menengah / Secondary School Category

Kategori / Category	Sekolah / School
Selangor	Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil
Negeri Sembilan	Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Undang Abdul Manap, Johol
Melaka	Sekolah Menengah Kebangsaan Iskandar Shah, Jasin
Johor	Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Gading, Batu Pahat
Perak	Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan, Lahat
Kedah	Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Lela Pahlawan, Padang Serai
Pulau Pinang	Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Methodist Pulau Pinang
Pahang	Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford, Kuala Lipis
Kelantan	Sekolah Menengah Kebangsaan Kota, Kota Bharu
Sabah	Sekolah Menengah St. Michael, Penampang
Sarawak	Sekolah Menengah Kebangsaan St. Thomas, Kuching

ii) Kategori Sekolah Rendah / Primary School Category

Kategori / Category	Sekolah / School
Selangor	SK Dr. Abdul Latiff, Sabak Bernam
Johor	Sekolah Kebangsaan Bakri Batu 5, Muar
Pahang	Sekolah Kebangsaan Temin, Jerantut
Perak	Sekolah Kebangsaan Bukit Jana, Kamunting
Terengganu	Sekolah Kebangsaan Kuala Besut
Sabah	Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Sin Hwa, Tawau
Sarawak	Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Tung Hua, Sibu

* Sekolah yang berjaya telah menerima wang tunai RM2,000.00 dan sijil yang ditandatangani bersama oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

* Winning schools received cash of RM2, 000.00 and certificate signed by the Director General of Environment and the Director General of Education

Projek Wira Alam (PWA)

Projek Wira Alam (PWA) telah dilancarkan pada 5 Jun 1998 yang bertujuan memotivasi para pelajar untuk memberikan sumbangan aktif dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan meningkatkan kualiti alam sekitar.

Projek ini merupakan anjuran Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia. Projek ini dibahagikan kepada tiga tahap iaitu Wira Diri (Tahap 1), Wira Komuniti (Tahap 2) dan Wira Alam (Tahap 3). Setiap pelajar perlu menyelesaikan tugas yang ditetapkan di dalam buku aktiviti pada setiap tahap sebelum ke peringkat seterusnya.

Pada tahun 2009, dua (2) siri Perkhemahan Projek Wira Alam (Wira Komuniti) telah diadakan kepada pelajar-pelajar yang telah lulus dalam Wira Diri (Tahap 1). Siri 1 perkhemahan ini telah diadakan pada 2-4 Mei 2009 di Ladang Teh Sabah, Ranau. Seramai 54 orang peserta dari dua buah sekolah iaitu SMK St. Micheal, Penampang dan SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang telah menyertai perkhemahan Siri 1 ini. Manakala pada Siri 2, perkhemahan telah diadakan pada 14-16 November 2009 di Anjung Bonda Homestay, Asahan, Melaka. Tiga buah sekolah iaitu SMK Bukit Jelutong, Shah Alam, SMK Bukit Indah, Ampang dan SMJK Pei Hwa, Muar berjumlah 65 orang peserta telah hadir pada perkhemahan ini.

Pada tahun 2009, sebanyak 1,841 permohonan baru oleh pelajar-pelajar daripada 35 buah sekolah telah diterima untuk menyertai projek ini. Seramai 397 orang pelajar telah lulus Wira Diri (Tahap 1) dan masing-masing menerima sijil dan *organizer* Wira Diri. Hanya 98 orang pelajar telah lulus dalam Wira Komuniti (Tahap 2) dan masing-masing menerima sijil, beg, t-shirt, dan topi Wira Komuniti. Pelajar-pelajar ini kemudiannya ke tahap Wira Alam (Tahap 3) untuk melengkapkan tugas di dalam buku aktiviti tersebut.

Kempen Kitar Semula Telefon Bimbit Terpakai

Sehingga tahun 2009, Jabatan Alam Sekitar telah menempatkan sebanyak 400 tong bateri di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, syarikat-syarikat

Wira Alam Project (PWA)

The Wira Alam Project (PWA) was launched on 5 June 1998 to motivate students to actively participate in environmental conservation activities to protect and improve the quality of the environment.

This project was organized by the Department of Environment in collaboration with the Ministry of Education and Malaysian Nature Society. This project is divided into three stages: Wira Diri (Level 1), Wira Komuniti (Level 2) and Wira Alam (Level 3). Each participating student has to complete the tasks provided in the activity book in each level before advancing into the next level.

In 2009, two (2) series of Projek Wira Alam (Wira Komuniti) Camp were conducted to students that had completed the Wira Diri (Level 1). The 1st series of this camp was held on 2-4 May 2009 at Sabah Tea Garden, Ranau. A total of 54 participants from two schools; SMK St. Micheal, Penampang and SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang attended this camp. The 2nd series of this camp was conducted on 14-16 November 2009 at Anjung Bonda Homestay, Asahan, Melaka. Three schools; SMK Bukit Jelutong, Shah Alam, SMK Bukit Indah, Ampang and SMJK Pei Hwa, Muar with 65 participants attended this camp.

In 2009, 1,841 new applications were received from 35 schools to participate in this project. A total of 397 students had successfully completed Wira Diri (Level 1) and each received a certificate and a Wira Diri's organizer. Only 98 students completed Wira Komuniti (Level 2) and each received a certificate, a Wira Komuniti's bag, t-shirt and cap. These students were then advanced into Wira Alam (Level 3) and had to complete the tasks provided in the activity book.

Recycle Used Hand Phone Campaign

Up till 2009, the Department of Environment had distributed 400 bins to government and private offices, telecommunications companies, higher

telekomunikasi, institusi pengajian tinggi dan pusat membeli belah terpilih di bawah Kempen Kitar Semula Telefon Bimbit Terpakai.

Pelbagai bahan promosi seperti risalah, brosur dan poster telah diedarkan kepada orang awam dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mereka dalam mengurus dan melupuskan buangan terjadual.

Program Rakan Alam Sekitar (RAS)

Pada tahun 2009, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melancarkan satu program baru iaitu Rakan Alam Sekitar bagi meningkatkan kesedaran dan penglibatan anggota masyarakat di setiap kawasan Parlimen dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta membantu membanteras kegiatan-kegiatan pencemaran alam sekitar. Program Rakan Alam Sekitar adalah saluran yang tepat untuk meningkatkan keberkesanan aduan kerana dengan penglibatan masyarakat tindakan yang segera dapat diambil sewajarnya oleh agensi kerajaan yang berkenaan.

Program Rakan Alam Sekitar menyasarkan setiap lapisan masyarakat termasuk pemimpin masyarakat, penduduk setempat, NGOs, sektor swasta, ahli-ahli akademik, golongan belia serta pelajar-pelajar sekolah dan universiti.

Selain daripada pelaporan kes-kes pencemaran alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab, aktiviti-aktiviti juga meliputi pencegahan dan pengawalan pencemaran, peningkatan kualiti alam sekitar serta kempen pendidikan dan kesedaran alam sekitar.

Sehingga akhir tahun 2009, seramai 17,000 orang telah berdaftar sebagai ahli Rakan Alam Sekitar.

Tema bagi Program RAS 2009 adalah "Pemanasan Global, Bertindak Sekarang! "

learning institutions and selected shopping malls under the 'Recycle Used Hand Phone Campaign'.

Promotion materials such as pamphlets, brochures and posters were circulated to the public to increase their knowledge and awareness on the management and disposal of scheduled waste.

Rakan Alam Sekitar (RAS) Programme

In 2009, the Ministry of Natural Resources and Environment launched a new programme called "Rakan Alam Sekitar" to increase awareness and participation of local communities in every Parliamentary area in environmental conservation and preservation as well as combating environmental pollution. The "Rakan Alam Sekitar" programme serves as an effective channel for environmental complaints because with the involvement of local communities, immediate action can be taken by the respective government agencies.

The Rakan Alam Sekitar programme was targeted at every layer of society, including community leaders, local residents, NGOs, private sector, academicians, youths and students of schools and universities.

Apart from reporting cases of environmental pollution to related government agencies, the activities include prevention and control of pollution, enhancing the quality of the environment and environmental education and awareness campaigns.

Till end 2009, about 17,000 peoples were registered as members of Rakan Alam Sekitar.

The theme for RAS Programme in 2009 is "Global Warming, Act Now!"



Majlis Pelancaran Rakan Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan Pada 4 Jun 2009 Yang Dirasmikan Oleh Y.A.B Tan Sri Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Muar, Johor
 The launching of Rakan Alam Sekitar at National Level on 4 June 2009 That Was Officiated by Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Deputy Prime Minister at the Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Muar, Johor

SEBARAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR

ENVIRONMENTAL INFORMATION DISSEMINATION

Maklumat Alam Sekitar

Pada tahun 2009, JAS telah menerbitkan sejumlah 739,000 naskhah bahan-bahan bacaan alam sekitar termasuklah Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2008, Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar 2008, majalah IMPAK, majalah ERA HIJAU, buku Koleksi Kartun Alam Sekitar, risalah-risalah, dan kalendar meja bermesejkan alam sekitar.

Bahan-bahan bercetak tersebut diedarkan kepada pelbagai agensi kerajaan, perpustakaan-perpustakaan, pusat rujukan, institusi pendidikan, persatuan bukan kerajaan dan orang perseorangan.

JAS juga telah memperkenalkan dan menerbitkan Modul Kesedaran Alam Sekitar Pra-Sekolah Lestari untuk kanak-kanak TASKA dan TADIKA. Modul ini mengandungi Manual Panduan Guru dan lima (5) modul seperti air, udara, tumbuhan, haiwan dan kitar semula. Modul tersebut bertujuan memberi pendidikan asas mengenai alam sekitar kepada kanak-kanak seawal 3 hingga 6 tahun. Modul tersebut diedarkan secara percuma kepada pengusaha taska, tadika dan guru pra-sekolah.

Pameran Awam

Pada tahun 2009, JAS telah menyertai sebanyak 20 pameran bertemakan alam sekitar yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi, sektor perindustrian, agensi kerajaan dan awam.

- Pameran semasa Majlis Pelancaran dan Seminar Dasar Mineral Negara
Kuala Lumpur, 21-22 Januari 2009
- Pameran semasa Minggu Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Denso (Malaysia) Sdn. Bhd.,
Bangi, 12-18 Mac 2009
- Pameran semasa Green Week
Multimedia University (MMU),
Cyberjaya, 2-3 Mac 2009

Environmental Information

In 2009, DOE published more than 739,000 copies of environmental reading materials including the Environmental Quality Report 2008, the 2008 DOE Annual Report, IMPAK bulletin, ERA HIJAU bulletin, Environmental Cartoon Collection books, brochures, and calendars with environmental messages.

These printed materials were distributed to various government agencies, libraries, reference centres, educational institutions, non-governmental organizations and individuals.

DOE had also introduced and printed the Sustainable Pre-school Environmental Awareness Module for TASKA and TADIKA children. This module contained a Teacher's Manual Guide and five (5) modules on water, air, plants, animals and recycling. The module aimed to give basic education on environment to children as early as 3 to 6 years and were distributed for free to childcare centre operators, kindergarten and pre-school teachers.

Environmental Exhibitions

In 2009, DOE participated in 20 environmental exhibitions organized by schools, institutions of higher learning, the industrial sector, government agencies and the public.

- Exhibition at "Majlis Pelancaran dan Seminar Dasar Mineral Negara"
Kuala Lumpur, 21-22 January 2009
- Exhibition at "Minggu Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar" Denso (Malaysia) Sdn. Bhd.,
Bangi, 12-18 March 2009
- Exhibition at "Green Week"
Multimedia University (MMU),
Cyberjaya, 2-3 March 2009

- Pameran semasa Persidangan Kebangsaan Mengenai Dapatan Kaji Selidik “Environment Citizenship: Emerging Perspectives In Malaysian” Interma Resort & Convention Centre (INTEKMA), Shah Alam, 24-26 Mac 2009
- Pameran semasa Hari Terbuka Sains Islam (ASIS DAY 2009 Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, 1-3 April 2009
- Pameran semasa Hari Bersama Pelanggan JAS Bil 1/209 dan Bengkel Pengurusan Used Electronic & Electrical Equipment and E-waste di Malaysia Putrajaya, 3 April 2009
- Pameran semasa Program Kempen Eco Friendly Planetarium Negara Kuala Lumpur, 1-3 Mei 2009
- Pameran semasa Program Hari Bersama Pelanggan NRE Bil 3/2009 dan Sambutan Hari Bumi 2009, Under water World Langkawi, 23-25 April 2009
- Pameran semasa Majlis Pelancaran Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Penganugerahan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) 2007-2008 Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Muar, 5-6 Jun 2009
- Pameran semasa Lukisan Solo mengenai Modenasi dan Alam Sekitar Oleh Pelukis Azahari Tasis Hotel Concorde, Shah Alam, 4 Julai 2009
- Pameran Semasa Semarak 1 Malaysia, Sekolah Menengah Desa Pandan, Kuala Lumpur, 11 Julai 2009
- Pameran semasa Program Sekolah Lestari- Anugerah Alam Sekitar & Projek Wira Alam Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jelutong, 15 Julai 2009
- Pameran semasa Kempen Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan Mercu UEM, Kuala Lumpur Sentral, 28 Julai 2009
- Exhibition at “Persidangan Kebangsaan Mengenai Dapatan Kaji Selidik Environment Citizenship: Emerging Perspectives In Malaysian” Interma Resort & Convention Centre (INTEKMA), Shah Alam, 24-26 March 2009
- Exhibition at “Hari Terbuka Sains Islam (ASIS DAY 2009)” Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, 1-3 April 2009
- Exhibition at “Hari Bersama Pelanggan JAS Bil 1/209 dan Bengkel Pengurusan Used Electronic & Electrical Equipment and E-waste di Malaysia” Putrajaya, 3 April 2009
- Exhibition at “Program Kempen Eco Friendly” Planetarium Negara Kuala Lumpur, 1-3 Mei 2009
- Exhibition at “Program Hari Bersama Pelanggan NRE Bil 3/2009 dan Sambutan Hari Bumi 2009” Under water World Langkawi, 23-25 April 2009
- Exhibition at “Majlis Pelancaran Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Penganugerahan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) 2007-2008” Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Muar, 5-6 June 2009
- Exhibition at “Lukisan Solo mengenai Modenasi dan Alam Sekitar Oleh Pelukis Azahari Tasis” Hotel Concorde, Shah Alam, 4 July 2009
- Exhibition at “Semarak 1 Malaysia” Sekolah Menengah Desa Pandan, Kuala Lumpur, 11 July 2009
- Exhibition at “Program Sekolah Lestari- Anugerah Alam Sekitar & Projek Wira Alam” Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jelutong, 15 July 2009
- Exhibition at “Kempen Alam Sekitar , Keselamatan dan Kesihatan” Mercu UEM, Kuala Lumpur Sentral, 28 July 2009

- Pameran semasa PC Fair bagi Program Keselamatan Alam Mengenai Pengumpulan dan Kitar Semula E-Waste
KLCC, Kuala Lumpur,
31 Julai – 2 Ogos 2009
- Pameran semasa Karnival Kitar Semula GEMS Malaysia Sdn. Bhd.
Taman Tasik Lembah Kiara, Kuala Lumpur,
8 Ogos 2009
- Pameran semasa Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Kebangsaan 2009
Borneo Convention Centre Kuching, Sarawak,
21 Oktober 2009
- Pameran semasa 20th Anniversary Conference
Hotel Holiday Inn, Shah Alam,
3-4 November 2009
- Pameran semasa Kempen Kesedaran Keselamatan, Kesihatan Dan Alam Sekitar
Wisma Megasteel, Banting,
18-20 November 2009
- Pameran semasa Karnival Cuti Sekolah
Menara Kuala Lumpur,
1-3 Disember 2009
- Pameran semasa Hari Bersama Pelanggan JAS 2009 Putrajaya, 22 Disember 2009
- Exhibition at PC Fair bagi Program Keselamatan Alam Mengenai Pengumpulan dan Kitar Semula E-Waste”
KLCC, Kuala Lumpur,
31 Julai – 2 August 2009
- Exhibition at “Karnival Kitar Semula GEMS Malaysia Sdn. Bhd. ”
Taman Tasik Lembah Kiara, Kuala Lumpur,
8 August 2009
- Exhibition at “Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Kebangsaan 2009”
Borneo Convention Centre Kuching, Sarawak,
21 October 2009
- Exhibition at “20th Anniversary Conference”
Hotel Holiday Inn, Shah Alam,
3-4 November 2009
- Exhibition at “Kempen Kesedaran Keselamatan, Kesihatan Dan Alam Sekitar”
Wisma Megasteel, Banting,
18-20 December 2009
- Exhibition at “Karnival Cuti Sekolah”
Menara Kuala Lumpur,
1-3 December 2009
- Exhibition at “Hari Bersama Pelanggan JAS 2009”
Putrajaya, 22 December 2009




Pameran Alam Sekitar / Environmental Exhibition

Perkhidmatan Perpustakaan-Enviro


Perpustakaan-Enviro yang terletak di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar berfungsi sebagai pusat rujukan kepada kakitangan JAS dan orang awam yang berdaftar. Sehingga 31 Disember 2009, koleksi bahan rujukan adalah sebanyak 30,000 buah. Bilangan pengunjung ke perpustakaan adalah seramai 1,727 orang dimana 73% daripadanya adalah kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan (**Rajah 5.2, 5.3 & 5.4**).

Enviro-Library Services


The Enviro-Library located at the DOE Head Office served as an important reference centre both for DOE staff and registered public users. As of 31 December 2009, the entire collection of reference materials totaled 30,000 items. The number of library users were 1,727 of which 73% were Government officers (**Figure 5.2, 5.3 & 5.4**).



Rajah 5.2 JAS: Perkhidmatan Perpustakaan, 2009
Figure 5.2: DOE: Library Services, 2009



Rajah 5.3 JAS: Bilangan Pengunjung Perpustakaan, 2008-2009
 Figure 5.3: DOE: Number of Library Users, 2008-2009



Rajah 5.4 JAS: Kategori Pengguna-pengguna Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar, 2009
 Figure 5.4: DOE: Category of Library Users, 2009



Minggu Alam sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-18 di Kuching Sarawak, 2009
The 18th Malaysia Environment Week at National Level at Kuching Sarawak, 2009